

## Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam: Analisis Literatur Sistematis (SLR)

### *Elements of Higher Order Thinking Skills (HOTs) in Islamic Education Teachers Teaching: Systematic Literature Review (SLR)*

Muhammad Talhah Ajmain @Jima'ain<sup>a\*</sup>, Andi Mohd Hairy Ansar<sup>b</sup>, Aminuddin Hehsan<sup>a</sup>, Ahmad Marzuki Mohamed<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

<sup>a</sup>Faculty of Built Environment and Surveying, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: [muhammadtalhah.j@utm.my](mailto:muhammadtalhah.j@utm.my)

#### Article history

Received: 2022-10-06    Received in revised form: 2022-11-12    Accepted: 2022-11-13    Published online: 2023-06-30

#### Abstract

The element of higher order thinking skills (HOTs) in Islamic Education is important in contributing to the effectiveness of teaching and facilitation (PdPc) to students' appreciation of knowledge. Meanwhile, the teacher as the main implementing agent in applying HOTs elements. Therefore, this study aims to identify the elements that contribute to HOTs in the Teaching of Islamic Education Teachers. This study is a descriptive study using systematic literature review (SLR) method of qualitative. The main source of this study is through highlights of previous work obtained from the Google Scholar online database analyzed based on Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). The findings of the study show that the factors that affect the teaching of Islamic education is able to build HOTs is attitude, readiness, knowledge, skills and formulate. These findings are important to the field of education in Malaysia whether teachers, administrators, State Education Department, Ministry of Education Malaysia (MOE) in evaluating the HOTs curriculum from time to time, especially in the field of Islamic education.

**Keywords:** Elements, Higher Order Thinking Skills (HOTs), Teachers of Islamic Education, Teaching and Facilitation (PdPc).

#### Abstrak

Elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam penting dalam menyumbang keberkesanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) terhadap penghayatan ilmu ke atas pelajar. Manakala, guru sebagai ejen pelaksana yang utama dalam menerapkan elemen KBAT. Maka, kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen-elemen yang menyumbang kepada KBAT dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Kajian ini adalah kajian deskriptif menggunakan kaedah analisis literatur sistematik (SLR) bersifat kualitatif. Sumber utama kajian ini menggunakan sorotan kajian terdahulu daripada pangkalan data *Google Scholar* yang dianalisis berdasarkan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Hasil kajian menunjukkan elemen yang memberi kesan sesebuah pengajaran pendidikan Islam tersebut mampu membina KBAT ialah sikap, kesediaan, pengetahuan, kemahiran dan merumus. Dapatan dalam kajian penting kepada bidang pendidikan di Malaysia sama ada guru, pentadbir, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), kementerian pendidikan Malaysia (KPM) dalam menilai kurikulum KBAT dari semasa ke semasa terutama dalam bidang pendidikan Islam.

**Keywords:** Elemen, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Guru Pendidikan Islam, Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

## 1.0 PENGENALAN

Tujuan pendidikan Islam sebagai sumber peneguh hati, pengajaran, peringatan dan sumber kebenaran dalam beragama (Surah *Hud*, 11: 120). Begitu juga, Allah SWT telah menegaskan bahawa Rasulullah SAW adalah contoh teladan bagi orang yang mengharapkan *rahmat* Allah SWT dan kedatangan hari akhirat (Surah *al-Abzab*, 33: 21). Namun, yang sangat diperlukan dalam pengajaran hari ini adalah mengajar ilmu dengan tepat, iaitu dengan memberi kesan dalam mencari kebenaran (Surah *an-Namlu*, 27: 64). Bagi memberi kesan, memerlukan penekanan kepada menggunakan daya berfikir aras tinggi bagi menjamin penghayatan dan hasrat membentuk *khaira ummah* terlaksana. Seperti ungkapan dari sebuah kata-kata:

*“If we fail in teaching Islam the proper way, we fail our children. If we fail them, we fail the Ummah”*

(Khalid Dhorat, 1996)

Langkah memartabatkan bidang pendidikan Islam tidak dapat direalisasikan sekiranya pelajar tidak menggunakan daya berfikir hanya membataskan dengan menghafal fakta dan hanya untuk berjaya dalam peperiksaan (Renuka Ramakrishnan *et al.*, 2014; M. Kaviza, 2019). Bagi mencapai matlamat pelajar yang berjaya dalam mengharungi kehidupan, para guru perlu mengaplikasikan KBAT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) agar dapat mengalakkan pelajar berfikir serta menghayati ilmu yang diterima untuk digunakan dalam kehidupan mereka (Abdul Razaq, 2010; Rosy Talin, 2015) serta melibatkan diri secara proaktif (Wineburg *et al.*, 2018; M. Kaviza, 2018) seperti yang telah termaktub dalam kurikulum (Pihak Perkembangan Kurikulum (PPK), 2015). Justeru, pengajaran pendidikan Islam penting diintegrasikan dengan kemahiran berfikir agar melahirkan individu yang menjiwai dan berubah (Ibn Khaldun, 1993).

## 2.0 METODOLOGI

Sorotan kajian bersistematik ini akan menggunakan kaedah PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). Metod ini merupakan garis panduan sorotan literatur yang berkualiti kerana prosesnya yang terperinci dan ketat serta melibatkan kuantiti data yang besar. Selain itu, hasil laporan menggunakan kaedah PRISMA akan menghasilkan piawai yang tinggi kerana menggunakan elemen ketelusan, konsisten melalui proses-proses tertentu (Flemming *et al.* 2018). Proses tersebut adalah menggunakan prosedur yang jelas bagaimana ia dihasilkan, proses yang bersistematik, dan skop yang menyeluruh merangkumi semua rujukan yang berkaitan serta boleh diguna pakai kembali (*replicate*) oleh pengkaji lain dengan pendekatan yang sama bagi membincangkan sesuatu tajuk (Okoli, 2015). Kaedah sorotan bersistematik dengan menggunakan kaedah PRISMA dalam bidang sains sosial mempunyai sebuah kelebihan yang besar, iaitu dapatan karya yang diperoleh adalah dari sumber data yang berkualiti dan diakui oleh semua penyelidik, dapat menerangkan limitasi kajian dengan bantuan kata kunci, bahkan dengan garis panduan ini dapat membantu penulis menjimatkan masa dan menetapkan sejumlah sorotan karya telah mencukupi (Okoli, 2015). PRISMA membantu pengkaji mengesan sejumlah karya literatur yang bermutu dan tepat mengikut objektif kajian yang diperlukan melalui empat peringkat proses, iaitu proses pengenalanpastian, saringan, kelayakan dan rangkuman (Gillath & Karantzias, 2019; Shafrill *et al.* 2020).

Terdapat pelbagai pengkalan data penyelidikan dalam menggunakan kaedah tinjauan sistematik (SLR), antaranya seperti Scopus, web of Science juga Google Scholar. Namun, kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah Google Scholar seperti yang pernah dinyatakan

oleh Gehanno *et al.*, (2013) dan Haddaway *et al.*, (2015) bahawa terdapat penyelidik yang menggunakan pangkalan data Google Scholar dalam SLR atas sebab tertentu. Sebahagian sarjana, menggunakan Google Scholar kerana membantu mencari teks penuh (Haddaway, 2015). Selain itu, Google Scholar juga dilihat bermanfaat dalam tinjauan sistematik, kerana bergantung hanya pada satu platform untuk carian, namun mampu memberikan kecekapan sumber, memberikan penjimatan kos, membenarkan pautan cepat diakses dan memperoleh teks penuh, berikutnya memberikan akses ke laman web yang besar terhadap akademik, dan sesuai dengan kaedah terkini bagi memuat turun petikan secara pukal yang mebolehkan kaedah secara telus untuk mendapatkan carian (Haddaway, 2015). Disamping itu, setelah pengkaji menggunakan pangkalan data SLR menggunakan Google Scholar, artikel tersebut telah disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan KBAT untuk mengesahkan artikel tersebut mempunyai kualiti. Hal ini kerana, rujukan berkaitan bidang Pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT, banyak dalam Bahasa Melayu (Zaidi *et al.*, 2021). Maka, rujukan bahasa melayu, banyak menggunakan data daripada Google Scholar.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metode primer, manakala pendekatan kuantitatif sebagai metode sekunder.

**Jadual 1:** Sumber Pangkalan Data dan Siri Carian (Search String)

Pangkalan Data	Jujukan Susunan Kata Kunci dan Boolean Operator
Google Scholar	allintitle: kemahiran berfikir aras tinggi pendidikan OR islam "guru" AND 2013-2021

**Jadual 2:** Kriteria Susunan Kata Kunci dan Boolean Operator

Kriteria	Kelayakan	Penyisihan
Jenis Literatur	Artikel Jurnal (Kuantitatif, Kualitatif dan Mixed Method)	Artikel <i>Book Chapter</i> , buku
Bahasa	Bahasa Melayu	Selain Bahasa Melayu
Bidang	Pendidikan Islam	Selain Pendidikan Islam
Tempoh Masa	2013-2021	Sebelum tahun 2013
Liputan Negara	Seluruh dunia	Tiada

## 2.1 Proses Pengenalpastian

Perbincangan dalam kajian ini menggunakan satu (1) pangkalan data atas talian yang utama dalam penyelidikan, iaitu Google Scholar kerana pangkalan data ini menurut Xiao dan Watson (2019) adalah pangkalan data yang biasa digunakan selain daripada Web of Science, EBSCO, ProQuest, IEEE Xplore, DOAJ dan OAIster. Kajian daripada Athukorala *et al.* (2016) dan Gusenbauer (2019) juga menyatakan dan mendapati bahawa Google Scholars dan Microsoft Academics adalah antara pangkalan data carian yang popular di dunia. Pangkalan data yang besar ini meliputi kajian-kajian empirikal dan saintifik merentasi pelbagai cabang seperti ekonomi, perubatan, sains sosial, alam sekitar, kejuruteraan, perakaunan dan pembangunan, pemasaran, perniagaan dan undang-undang (Shafrill *et al.* 2018). Proses dimulakan dengan melakukan siri carian kata kunci utama menggunakan kemudahan carian yang telah tersedia dan arahan eksklusif yang telah ditetapkan dalam pangkalan data Google Scholar (Ab Malik *et al.* 2020). Bagi meneruskan proses ini, pengkaji


menggunakan padanan kata kunci yang terdapat di tesaurus, dengan dibantu fungsi Boolean Operator (Xiao & Watson, 2019) dalam kedua-dua pangkalan data (Jadual 1). Kata kunci dan siri carian (*search string*) yang diaplikasikan ini boleh digunakan kembali untuk mendapatkan carian yang terkini serta kajian akan datang. Hasil carian dari kata kunci tersebut, pengkaji menemukan sebanyak 233 jumlah artikel. Maka, ini menjadikan sebanyak 233 artikel awal diambil sebagai rujukan.

## **2.2 Proses Saringan**

Bagi peringkat ini, pengkaji akan membuat saringan dengan ciri-ciri tertentu yang lebih spesifik, agar artikel yang dipilih lebih menjurus kepada persoalan kajian. Pertama; pengkaji memilih artikel yang berbentuk kajian dalam data sahaja sama ada kuantitatif, kualitatif atau kaedah campuran. Manakala artikel yang berbentuk bab dalam buku, dan buku telah disaring lebih awal. Kedua; pengkaji hanya memilih artikel dalam bahasa Melayu serta yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Islam. Ketiga, faktor tempoh masa, pengkaji melimitkan dalam tempoh tertentu dari tahun 2013 sehingga 2021. Hal ini kerana kajian berkaitan KBAT ini bermula sekitar tahun 2013 di Malaysia (lihat Jadual 2). Setelah melalui proses saringan, dari sejumlah 233 artikel, pengkaji telah melakukan saringan tapisan ke atas 188 artikel, serta menjadikan hanya sebanyak 45 artikel sahaja yang terpilih. Namun, sebahagian artikel yang disisihkan akan digunakan kembali sebagai rujukan tambahan.

## **2.3 Proses Kelayakan dan Rangkuman**

Peringkat ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada artikel yang membincangkan elemen KBAT dalam pengajaran guru Pendidikan Islam. Maka, daripada 45 artikel, pengkaji melakukan analisis bacaan secara mendalam, bermula daripada mengenalpasti tajuk, abstrak dan keseluruhan artikel bagi mengenal pasti kajian yang berkait dengan elemen yang dikaji, maka sebanyak 11 artikel dikenalpasti. Hasil pembacaan seterusnya diserahkan kepada dua (2) orang pakar untuk menilai pula artikel yang dipilih, justeru hanya lapan (8) artikel yang menjurus kepada elemen KBAT yang menjurus kepada pengajaran guru Pendidikan Islam di bilik darjah sahaja yang dipilih. Kesemua proses pemilihan artikel untuk tujuan sorotan karya sistematik (SLR) ini ditunjukkan dan diterangkan melalui carta alir PRISMA di Rajah 1.



**Rajah 1:** Carta Alir PRISMA

Sumber: Diadaptasi daripada Moher *et al.* (2009), Shafrill *et al.* (2018), Shafrill *et al.* (2020)

### 3.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Pengkaji akan memperincikan analisis kajian terhadap elemen KBAT yang mempengaruhi pengajaran guru mengikut analisis deskriptif dan analisis bertema yang terhasil daripada sorotan daripada artikel-artikel yang dipilih.

#### 3.1 Analisis Deskriptif

Berdasarkan carian, hanya lapan (8) artikel berbentuk kuantitatif, kualitatif dan kaedah campuran yang memberi fokus kepada elemen KBAT yang menyumbang dalam pengajaran guru Pendidikan Islam. Keputusan carian menunjukkan, pengajaran oleh GPI yang berunsur KBAT mula dibincangkan bermula tahun 2013 dari pelbagai jurnal penerbitan oleh penyelidik berikut; Syaubari & Yunus (2016), Syaubari & Yunus (2017), Syaubari & Yunus (2018), Fatimah Kasmuri *et al.*, (2018), Zaid *et al.*, (2018), Talhah & Marzuki (2020) dan Ashraf *et al.* (2020). Analisis deskriptif ini dirangkum dalam Jadual 3 di bawah. Bagi populasi negara, fokus di Malaysia. Terdapat sebanyak 3 kajian menggunakan platform reka bentuk kajian kualitatif, iaitu artikel yang ditulis oleh Syaubari & Yunus (2016), Syaubari & Yunus (2017a) serta Syaubari & Yunus (2017b). Manakala selebihnya sebanyak 5 kajian, iaitu Syaubari & Yunus (2018), Fatimah Kasmuri *et al.*, (2018), Zaid *et al.*, (2018), Talhah & Marzuki (2020) dan Ashraf *et al.* (2020) yang menjalankan kajian kuantitatif menggunakan soal selidik. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia masih kekurangan penyelidikan secara campuran (mixed method) berkaitan pengajaran KBAT terhadap Pendidikan Islam. Sumber data bagi kesemua artikel telah dipersembahkan seperti di Jadual 3.

**Jadual 3:** Maklumat Umum Artikel dan Sumber Data

Penulis	Tahun Penerbitan	Lokasi Kajian	Jurnal Penerbitan	Reka Bentuk Kajian	Sumber Data
Syaubari & Yunus	2017	Malaysia	<i>Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences</i>	Kualitatif	Temubual dan Pemerhatian
Syaubari & Yunus	2017	Malaysia	<i>Journal of Islamic Educational Research (JIER)</i>	Kualitatif	Temubual dan Pemerhatian
Ashraf et al.	2020	Malaysia	<i>Jurnal Dunia Pendidikan</i>	Kuantitatif	Soal selidik
Talhah & Marzuki	2020	Malaysia	<i>E-Journal of Islamic Thought and Understanding</i>	Kuantitatif	Soal selidik
Syaubari & Yunus	2018	Malaysia	<i>International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)</i>	Kuantitatif	Soal selidik
Zaid et al.,	2018	Malaysia	<i>Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)</i>	Kuantitatif	Soal selidik
Syaubari & Yunus	2016	Malaysia	<i>Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah</i>	Kualitatif	Analisis Isi Kandungan
Fatimah Kasmuri et al.,	2018	Malaysia	<i>Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences</i>	Kuantitatif	Soal Selidik

### 3.2 Analisis Bertema

Selepas menganalisis maklumat umum artikel, penulis membuat analisis berdasarkan dapatan kajian setiap artikel. Penulis mendapati pelbagai elemen yang mendorong guru Pendidikan Islam dalam menerapkan KBAT ketika pengajaran. Elemen-elemen tersebut penulis rangkumkan dalam Jadual 4.

Seterusnya, penulis membahagikan kesemua elemen-elemen mengikut tema berbeza iaitu; kesediaan, sikap, pengetahuan, kemahiran dan merumus (lihat Jadual 5).

## 4.0 PERBINCANGAN

### 4.1 Elemen yang Mendorong Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Merujuk kepada semua artikel yang dianalisis, didapati bahawa hanya terdapat lima (5) elemen utama sahaja yang menjadi subjek kajian artikel-artikel yang membincangkan elemen yang mendorong pelaksanaan KBAT dalam pengajaran pendidikan Islam. Elemen tersebut ialah; kesediaan, sikap, pengetahuan, kemahiran dan merumus. Elemen yang paling tinggi menjadi subjek kajian ialah kemahiran. Hal ini jelas ditunjukkan dalam tujuh (7) dari lapan (8) artikel yang mengaitkan elemen ini dengan mempengaruhi KBAT dalam pengajaran GPI (Rajah 2).

Kemahiran disini dijelaskan berkaitan dengan kaedah, teknik, pedagogi, penggunaan BBM dalam pengajaran termasuk implementasi PAK-21. Jika dalam pengajaran GPI menggunakan elemen kemahiran ini, ia akan membuahkan kesan KBAT lebih tinggi terhadap pelajar (Syaubari & Yunus, 2017a). KBAT berkait rapat dengan kepelbagaian kemahiran pengajaran yang digunakan oleh seseorang guru tersebut (Syaubari & Yunus, 2016), penguasaan kemahiran yang semasa mampu menarik minat pelajar lebih kreatif dan kritis termasuk menggunakan KBAT dalam pengajaran

(Ashraf *et al.*, 2020). Bagi Syaubari & Yunus (2021), kemahiran ini adalah seni bagi seorang guru, namun tidak meniadakan ia berkaitan dengan sikap seseorang guru tersebut. Jika sikap guru tersebut sentiasa positif dan konsisten, ia juga mampu memberikan kesan dalam diri pelajar tersebut. Hal ini kerana, sikap dilihat memperoleh elemen kedua yang tertinggi dalam dapatan ini iaitu sebanyak enam (6) daripada lapan (8).

Sikap mampu memberi kesan KBAT dalam pengajaran menurut Syaubari & Yunus (2017a), Ashraf *et al.* (2020) dan Talhah & Marzuki (2020). Hal ini, kerana sepanjang komposisi pengajaran, sama ada permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran, sikap yang main peranan untuk terus konsisten momentum seseorang guru dalam melaksanakan KBAT (Syaubari & Yunus, 2021). Sikap seorang guru akan membentuk tindak balas akhlak pelajarinya (Talhah & Marzuki, 2020). Hal ini kerana terdapat guru pendidikan Islam (GPI) yang telah biasa menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan kertas berbanding mengajar kemahiran berfikir menyelesaikan masalah (Ashraf *et al.*, 2020). Maka, sikap adalah suatu perkara yang mustahak yang akan menentukan pengajaran seseorang guru tersebut. Selari dengan pandangan Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri (2011) yang menyatakan bahawa, kualiti pengajaran guru pendidikan Islam yang kurang memuaskan, ianya sebenarnya berkaitan dengan persekitaran dan sikap guru.

**Jadual 4:** Elemen-elemen yang Mendorong Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Penulis	Hasil Kajian: Elemen yang mendorong pengajaran KBAT dalam Pendidikan Islam (PI)
Syaubari & Yunus (2017a)	Sikap Kemahiran
Syaubari & Yunus (2017b)	Kesediaan Kemahiran
Ashraf <i>et al.</i> (2020)	Kesediaan Sikap Pengetahuan Kemahiran Merumus
Talhah & Marzuki (2020)	Kesediaan Sikap Pengetahuan
Syaubari & Yunus (2021)	Kesediaan Sikap Kemahiran Merumus
Syaubari & Yunus (2016)	Pengetahuan Kemahiran
Fatimah Kasmuri <i>et al.</i> , (2018)	Kesediaan Sikap Pengetahuan Kemahiran
Zaid <i>et al.</i> , (2018)	Sikap Pengetahuan Kemahiran

**Jadual 5:** Elemen - elemen yang Mendorong Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Penulis (Tahun)	Tema Elemen - Elemen				
	Kesediaan	Sikap	Pengetahuan	Kemahiran	Merumus
Syaubari & Yunus (2017a)		/		/	
Syaubari & Yunus (2017b)	/			/	

Ashraf <i>et al.</i> (2020)	/	/	/	/	/
Talhah & Marzuki (2020)	/	/	/		
Syaubari & Yunus (2021)	/	/		/	/
Syaubari & Yunus (2016)			/	/	
Fatimah Kasmuri <i>et al.</i> , (2018)	/	/	/	/	
Zaid <i>et al.</i> , (2018)		/	/	/	
JUMLAH	5	6	5	7	2

Nota: Nilai / = 1

Selain itu, daripada lapan (8) artikel yang dianalisis, penulis juga mendapati terdapat dua (2) elemen yang mempunyai jumlah tinggi yang sama iaitu kesediaan dan pengetahuan iaitu sebanyak lima (5) daripada lapan (8). Jika diperhatikan, tiga elemen ini seperti menekankan hal komposisi pengajaran iaitu permulaan atau kesediaan. Manakala, bahagian perkembangan pengajaran atau pengetahuan. Pada elemen kesediaan, kajian oleh Ashraf *et al.* (2020) mendapati, kesediaan guru sangat penting dalam mempengaruhi pengajaran berunsur KBAT. Dapatan data min yang tinggi iaitu 4.06 menunjukkan keberkesanaan penguasaan guru yang tinggi dalam pengajaran pendidikan Islam yang berunsur KBAT jika elemen persediaan dilakukan. Kesediaan seorang guru dalam merancang dan memulakan KBAT dalam set induksi akan membantu pelaksanaan KBAT dalam komposisi pengajaran perkembangan dan penutup pengajaran, namun ia memerlukan kekuatan penguasaan oleh guru dalam pengetahuan KBAT guru tersebut.


Elemen pengetahuan KBAT adalah kemampuan untuk menangkap erti dari sesuatu yang telah dipelajari seperti kemampuan seseorang, menafsirkan maklumat dan meramalkan akibat satu peristiwa serta mengaitkan dengan kehidupan semasa. Kajian oleh Zaid *et al.*, (2019) menunjukkan pengetahuan guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan di daerah Batu Pahat terhadap KBAT berada pada tahap sederhana. Hal ini banyak dipengaruhi oleh kelemahan responden daripada sudut pengetahuan pedagogi KBAT yang relatif berada pada tahap sederhana. Justeru, semakin tinggi pengetahuan guru pada KBAT, semakin tinggi pengamalan pelaksanaan KBAT dalam PdPc. Kajian yang lain oleh Syaubari & Yunus (2021) mendapati, guru yang melanjutkan pengajian diperingkat ijazah, mampu meningkatkan pengetahuan berkaitan pendekatan pengajaran yang berkesan dan ini merupakan salah satu daripada elemen di dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu guru berpengetahuan. Kajian Asyraf *et al.*, (2020) mendapati pengetahuan KBAT dan kemahiran guru penting dalam menghasilkan penutup pengajaran yang KBAT ke atas pelajar kerana terdapat kajian menunjukkan penguasaan guru terhadap elemen penutup yang KBAT pada tahap yang sederhana (Syaubari & Yunus, 2016; Talhah & Marzuki, 2021). Justeru, pengkaji melihat walaupun elemen merumus hanya 2 sahaja daripada 8, namun penting untuk diperhalusi memandangkan bahagian penutup pengajaran atau merumuskan pengajaran yang menentukan apa yang difahami oleh pelajar, apabila mereka berjaya menyimpulkan.

Kaedah merumus penting dalam menghala sesuatu pelajaran tersebut mencapai objektif pembelajaran. Syaubari & Yunus (2021) menjelaskan, walaupun guru memberi kebebasan kepada pelajar untuk melakukan pengaplikasian berdasarkan tahap kefahaman, keupayaan dan kemampuan pelajar tetapi akhirnya guru akan membuat rumusan keseluruhan semasa proses penilaian dilaksanakan. Berdasarkan dapatan kajian oleh Syaubari & Yunus (2021), bagi merumuskan isi pengajaran, peratusan min yang tertinggi adalah guru melaksanakan rumusan isi pengajaran berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan. Sekiranya tiada garis panduan ditetapkan akan menyebabkan pelajar sukar untuk menganalisis setiap isi pengajaran. Maka, apabila guru mengemukakan soalan, pelajar berperanan membuat rumusan isi dan konsep pelajaran yang telah mereka pelajari (Syaubari & Yunus, 2017b) serta pelajar mampu merumuskan pembelajaran



berdasarkan situasi yang diberikan oleh guru (Fatimah *et al.*, 2018), dan akhirnya guru merumuskan kepada objektif pelajaran yang ingin diajar pada masa tersebut.

Hasil penelitian penulis mendapati, tidak semua kajian yang meneroka secara menyeluruh KBAT dilaksanakan sepanjang komposisi PdPc secara konsisten oleh guru. Hal ini penting kerana pelaksanaan KBAT yang konsisten sepanjang PdPc dapat membantu pelajar menghayati dan mengaplikasikan ilmu agama Islam dalam kehidupan. Apabila dilaksanakan secara konsisten, pelajar mula mengalami perubahan (Yusni, 2015) sekaligus menjadi bukti utama kepada pendidikan di Malaysia sentiasa ditambah baik bahawa KBAT yang telah dimulakan sejak tahun 2013 di Malaysia semakin baik dan membumi. Hal ini kerana, kajian masih mendapati, terdapat guru mengukur pelaksanaan penilaian bertujuan untuk peperiksaan sahaja bukannya untuk penghayatan ilmu kerana guru terikat dengan sukatan yang ditetapkan. Selain itu, penambahbaikan perlu dilakukan seperti interaksi pelajar sesama pelajar ketika PdPc dilaksanakan, serta pengendalian sesi perbincangan dalam kalangan pelajar dan guru menerusi penetapan objektif yang melihat penguasaan pelajar menerusi KBAT.



**Rajah 2:** Taburan Tema Elemen-Elemen yang mendorong Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Antara limitasi yang wujud dalam kajian ini ialah, terdapat artikel kajian yang membincangkan tahap pengetahuan guru dan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), namun hanya terhad pada istilah-istilah berkaitan fiqh dan usul fiqh. Selain itu, terdapat isu pada masa yang terhad pada bahagian komposisi penutup pengajaran dalam menjalankan rumusan dan refleksi, namun adakah pada komposisi pengajaran permulaan dan perkembangan pengajaran tidak berlaku permasalahan pada faktor masa. Maka, memerlukan kajian lebih terperinci pada komposisi pengajaran yang lain. Selain itu terdapat artikel kajian yang mengfokuskan kepada permulaan pengajaran dan penutup pengajaran kemahiran berfikir (KB) tanpa melihat pada elemen KBAT tersebut. Justeru, perancangan terhadap pelaksanaan elemen KBAT perlu dijelaskan. Bagi potensi kajian akan datang, penulis menyarankan skop kajian diluaskan dengan mengambil kira sumber karya dari pelbagai bahasa dan pelbagai pangkalan data yang lain agar lebih kaya dengan pelbagai rujukan.

Selain itu juga, limitasi kedua ialah, kajian ini melibatkan guru sahaja, justeru pihak pentadbir dan pelajar sekolah juga perlu dilibatkan agar analisis kepada pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat dibuat lebih menyeluruh. Selain itu, lokasi kajian walaupun di laksanakan di Malaysia, namun meyoriti artikel yang terlibat hanya merangkumi negeri Selangor. Maka, dicadangkan untuk potensi kajian akan datang, negeri negeri lain perlulah digiatkan lagi kajian agar hasil kajian yang dijalankan lebih bermakna dan menggambarkan hasil dapatan keseluruhan Malaysia. Hal ini kerana, setiap guru mempunyai pengetahuan, sikap, cara dan teknik yang berbeza di dalam menyampaikan suatu bahan pengajaran mengikut demografi penduduk di setiap kawasan bandar, luar bandar dan separa bandar.

## 5.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan elemen KBAT dalam PdPc Pendidikan Islam suatu perkara yang penting dalam melihat sejauh mana elemen tersebut mampu menyumbang kepada penghayatan ke atas pelajar terhadap ilmu yang diterima. Justeru, adalah penting untuk guru mengetahui elemen yang mampu membina penghayatan pada setiap ilmu yang disampaikan yang melibatkan pengamalan KBAT. Hasil kajian telah mendapati lima (5) elemen utama yang menyumbang kepada pengajaran KBAT yang berkesan oleh guru, iaitu; sikap, persediaan, pengetahuan, kemahiran dan merumus. Dapatan ini adalah penting kepada bidang pendidikan Malaysia sama ada guru, pentadbir, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), kementerian pendidikan Malaysia (KPM) dalam menilai kurikulum KBAT dari semasa ke semasa terutama dalam bidang pendidikan Islam. Selain itu, kajian ini diharap menjadi perintis kepada kajian akan datang dan memberi dimensi baharu kepada kajian berkaitan KBAT dalam pendidikan Islam bertujuan mendidik jiwa dan memberi penghayatan terhadap ilmu termasuk pada bidang Pendidikan Islam yang memerlukan banyak kepada hafalan seperti Sirah namun jika diambil pengajaran dengan baik, mampu memberikan kesan kepada jiwa dan akhlak pelajar.

## Penghargaan

Pengkaji menggunakan pangkalan data SLR menggunakan Google Scholar, sebanyak lapan (8) artikel telah dipilih dengan disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan KBAT iaitu Dr. Wan Hassan Wan Embong dan Dr. Siti Suhaila Ihwani untuk mengesahkan artikel tersebut mempunyai kualiti. Hal ini kerana, rujukan berkaitan bidang Pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT, banyak di dalam Bahasa Melayu. Maka, rujukan Bahasa Melayu, banyak menggunakan data daripada Google Scholar.

## Senarai Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad. (2010). The acquisition of conceptual understanding of historical thinking in the context of multiethnic students in Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 10(2), 108-119.
- Athukorala, K., Glowacka, D., Jacucci, G., Oulasvirta, A., Vreeken, J. (2016). Is exploratory search different?: A comparison of information search behavior for exploratory and lookup tasks. *Journal of the Association for Information Science and Technology* 67(11), 2635–2651. <https://doi.org/10.1002/asi.23617>.
- Flemming, K., Booth, A., Hannes, K., Cargo, M. & Noyes, J. (2018). Cochrane Qualitative and Implementation Methods Group Guidance Paper 5: Reporting guidelines for qualitative, implementation and process evaluation evidence syntheses. *Journal of Clinical Epidemiology* 97, 70-78.
- Gehanno, J. F., Rollin, L., & Darmoni, S. (2013). Is the coverage of Google Scholar enough to be used alone for systematic reviews. *BMC medical informatics and decision making*, 13, 7. <https://doi.org/10.1186/1472-6947-13-7>.

- Gillath, O. & Karantzas., G. (2019). Attachment security priming: a systematic review. *Current Opinion in Psychology* 2(SI), 86-95.
- Gusenbauer, M. (2019). Google Scholar to overshadow them all? Comparing the sizes of 12 academic search engines and bibliographic databases. *Scientometrics* 118(1), 177–214.
- Haddaway NR, Collins AM, Coughlin D, Kirk S. (2015). The Role of Google Scholar in Evidence Reviews and Its Applicability to Grey Literature Searching. *PLoS ONE* 10(9), e0138237. doi:10.1371/journal.pone.0138237.
- Haddaway NR. (2015). The Use of Web-scraping Software in Searching for Grey Literature. *The Grey Journal*, 11(3), 186-190.
- Ibn Khaldun. (1993). *Muqaddimah Ibn Khaldun. (Terj.)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (Islamic Education: Teaching and Learning)*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Khalid Dhorat. (1996). *The Rights of Children in Islam*. Dissertation Master of Arts in Islamic Studies, Faculty of Arts at The Rand Afrikaans University of South Africa.
- M. Kaviza. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, 4, 40-46. ISSN 2289-9391 / eISSN 2462-2443.
- M. Kaviza. (2019). Hubungan antara Amalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 29-36.
- Mohd Zaidi Mohd Zeki, Noor Muslieh Mustafa Kamal, Riyan Hidayat, Nurul Hijja Mazlan, Nurulaini Moshidi. (2021). Cadangan Penyelesaian Pakar Pendidikan Berkaitan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Sekolah Menengah. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 6: 18-34. e-ISSN: 0128-2069.
- Moher D, Liberati A, Tetzlaff J, Altman DG, (2009). The PRISMA Group. Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement. *PLoS Medicine*, 6(7), 1-6.
- Okoli, C. (2015). A Guide to Conducting a Standalone Systematic Literature Review. *Communications of the Association for Information Systems*, 37, 879-910.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (LAHA 2014)*, 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah Malaysia.
- Rosy Talin. (2015). Historical Thinking Skills – The Forgotten Skills?. *International Journal of Learning and Teaching*, 7(1), 15-23.
- Shafrill, H.A.M, Samsul Farid Samsuddin, Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality & Quantity*, 55, 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>.
- Shafrill, H.A.M., Krauss, S.E., & Samsuddin, S.F. (2018). A Systematic review on Asian's Farmers' adaptation practices towards climate change. *Science of the Total Environment*, 683-695.
- Wineburg, S., Smith, M & Breakstone, J. (2018). What is learned in college history classes? *The Journal of American History*, 983-993.
- Xiao, Y. & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112.
- Yusni Mohamad Yusop. (2015). *Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Konsep Kendiri Murid Sekolah Rendah*. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.